

12 OCT 2003

OIC-Ekspo (Persiapan)

PERSIAPAN BAGI EKSPLO OIC 2003 BERJALAN LANCAR

PUTRAJAYA, 12 Okt (Bernama) -- Persiapan bagi Ekspo OIC 2003 sempena sidang kemuncak Pertubuhan Persidangan Islam (OIC) Ke-10 berjalan lancar dengan para pempamer mempunyai kurang daripada 24 jam lagi untuk menyiapkan ruang pameran masing-masing.

Para pempamer kelihatan begitu sibuk membuat persiapan akhir terhadap ruang pameran mereka manakala masih terdapat ruang pameran yang hanya setengah siap.

"Masa 24 jam bagi kontraktor (untuk mendirikan ruang pameran) masih merupakan jangka masa yang lama, mereka pasti dapat melakukannya," kata Pengurus Pemasaran dan Perhubungan Awam F&R Exhibition Conference Sdn Bhd, Melina Mohd Sani hari ini.

F&R Exhibition merupakan penganjur ekspo itu. Pameran itu yang akan diadakan dari Selasa hingga Ahad, bertempat di kawasan lapang di Pusat Konvensyen Putrajaya (PCC), tempat berlangsungnya sidang kemuncak itu.

Ekspo itu yang pertama seumpamanya diadakan pada Sidang Kemuncak OIC, meliputi kawasan seluas 10,736 meter persegi.

Ekspo itu telah menarik penyertaan lebih 600 syarikat termasuk dari negara-negara bukan anggota OIC seperti Perancis, China, Taiwan dan Korea Selatan.

Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad akan merasmikan ekspo itu pada Selasa manakala Timbalan Perdana Menteri Datuk Seri Abdullah Ahmad Badawi dijadual melawat ekspo itu pada Rabu.

Melina berkata negara peserta juga diberikan peluang untuk membuat persembahan kebudayaan negara masing-masing pada program kebudayaan yang diadakan sepanjang ekspo itu berlangsung.

Katanya Indonesia dan Pakistan telah mengesahkan penyertaan pada program kebudayaan itu.

-- BERNAMA

SM AZZ RHM